

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya

Kandungan

MS 1	Sorotan
MS 2	Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
MS 5	Perkembangan Ekonomi Malaysia MS 11 – Rencana: *COVID-19: Kesannya Terhadap Inflasi*
MS 26	Perkembangan Monetari dan Kewangan
MS 31	Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia
MS 34	Tinjauan Makroekonomi
MS 37	Tambahan

Sorotan: S2 2020

Aktiviti ekonomi menguncup disebabkan oleh keadaan luaran yang lemah dan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan dalam negeri

Inflasi keseluruhan negatif disebabkan terutamanya oleh harga bahan api yang lebih rendah; inflasi teras menjadi sederhana sedikit



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pemulihan secara beransur-ansur menjelang akhir suku kedua

Penunjuk utama mula meningkat pada bulan Mei apabila sekatan PKP dilonggarkan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, IHS Markit, Tenaga Nasional Berhad, dan Bank Negara Malaysia

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Sorotan

- **Ekonomi global menguncup pada suku kedua tahun 2020 ekoran langkah-langkah meluas yang diambil untuk membendung pandemik COVID-19.**
- **Eksport serantau menguncup disebabkan oleh sekatan pengeluaran dan keadaan permintaan luaran yang semakin lemah.**
- **Volatiliti pasaran kewangan meningkat tinggi.**

Ekonomi global menguncup

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih



Sumber: Pihak berkuasa negara

Ekonomi global mengalami penguncupan pada suku kedua 2020. Apabila bilangan kes COVID-19 terus meningkat, langkah sekatan pergerakan dan perjalanan seluruh negara telah dilaksanakan oleh kebanyakan negara ekonomi maju dan pasaran sedang pesat membangun. Sekatan ini telah menjejaskan aktiviti pengeluaran dengan teruk yang menyebabkan kemerosotan keadaan pasaran pekerja dan perbelanjaan sektor swasta yang ketara.

Di AS, penggunaan swasta mengalami kelembapan yang mendadak walaupun menerima sokongan fiskal yang besar daripada pindahan kerajaan. Aktiviti pelaburan pula menjadi sederhana dalam keadaan penghindaran risiko yang semakin meningkat dan permintaan yang semakin lemah. Di kawasan euro, output merosot disebabkan oleh gangguan pengeluaran dan sekatan perjalanan yang meluas bagi hampir keseluruhan suku tahun itu. Aktiviti ekonomi di kebanyakan pasaran sedang pesat membangun (*emerging market economy*, EME) juga telah menurun dengan ketara akibat implikasi ekonomi yang buruk berikutan langkah-langkah sekatan pergerakan.

Sebaliknya, RR China mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 3.2% pada suku kedua 2020. Apabila kes COVID-19 menurun berikutan sekatan pergerakan yang agresif pada suku pertama, RR China telah dapat mengurangkan langkah-langkah pembendungan. Peningkatan semula aktiviti perindustrian dan sokongan padu kerajaan melalui pelaburan awam telah membolehkan ekonomi mencatatkan semula pertumbuhan positif selepas menguncup pada suku pertama. Namun begitu, kebanyakan sektor perkhidmatan seperti sektor runcit dan pelancongan kekal lemah berikutan aktiviti penggunaan swasta yang masih lembap.

Kelemahan eksport serantau

Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sekatan pengeluaran dan keadaan permintaan yang lemah telah menyebabkan kemerosotan eksport yang ketara. Eksport Filipina dan Korea telah terjejas dengan teruk masing-masing merosot sebanyak 29.5% dan 20.3%. Ekonomi serantau yang lain seperti Singapura, Thailand dan Indonesia turut mencatatkan pertumbuhan eksport yang lebih lemah. RR China merupakan satu-satunya negara yang tidak mengalami trend menurun ini apabila eksportnya mencatatkan sedikit pertumbuhan positif sebanyak 0.1%.

Peningkatan volatiliti pasaran kewangan

Rajah 3: Indeks Volatiliti (VIX) CBOE



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan pada suku kedua meningkat ke paras yang setara dengan Krisis Kewangan Global apabila pandemik meningkat. Walau bagaimanapun, menjelang akhir suku kedua, volatiliti mula menurun apabila sekatan pergerakan dilonggarkan secara beransur-ansur oleh sesetengah ekonomi seperti di kawasan euro dan di AS. Khususnya, pasaran ekuiti telah berjaya membendung sebahagian daripada kerugian yang dialami pada suku terdahulu. Namun, peningkatan kes di AS dan risiko penularan kedua di negara-negara yang telah dapat mengawal penyebaran virus menyebabkan volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi.

Harga purata minyak mentah Brent jatuh kepada USD33 setong pada suku kedua 2020 (S1 2020: Purata USD51 setong), yang terjejas akibat lebihan bekalan minyak global yang semakin meningkat berikutan penurunan permintaan minyak global ekoran pandemik COVID-19. Namun begitu, penurunan harga minyak dapat dikurangkan oleh pemotongan semula pengeluaran oleh OPEC+ mulai 1 Mei 2020 dan pengeluaran minyak yang lebih rendah di AS.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Sorotan

- **Ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 17.1%.**
- **Inflasi keseluruhan negatif, manakala inflasi teras menurun sedikit.**
- **Lebihan akaun semasa berjumlah RM7.6 bilion atau 2.5% daripada KDNK.**

Pertumbuhan merosot pada suku kedua tahun 2020

Rajah 4: Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi Malaysia berhadapan dengan kejutan bekalan dan permintaan secara serentak yang berpunca daripada keadaan permintaan luaran yang lemah dan langkah pembendungan yang ketat pada suku kedua tahun 2020. Akibatnya, ekonomi mencatatkan penguncupan pertama kali sejak Krisis Kewangan Global (S2 2020: -17.1%; S3 2009: -1.1%). Dari segi penawaran, keadaan ini dicerminkan oleh pertumbuhan negatif dalam kebanyakan sektor. Dari segi perbelanjaan, permintaan dalam negeri merosot, manakala eksport barangan dan perkhidmatan mencatatkan penguncupan yang lebih ketara. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi merosot sebanyak 16.5% (S1 2020: -2.0%).

Pertumbuhan lemah dalam kebanyakan sektor ekonomi

Rajah 5:
Pertumbuhan Mengikut Sektor Ekonomi



Rajah 6:
KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kebanyakan sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan yang lemah ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan diikuti oleh PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan pada suku kedua. Sektor perkhidmatan menguncup sebanyak 16.2% (S1 2020: 3.1%). Sektor ini terjejas akibat pelaksanaan sekatan PKP apabila hanya perkhidmatan penting seperti perniagaan runcit berkaitan makanan, utiliti, perbankan, pengangkutan serta entiti maklumat dan komunikasi sahaja yang dibenarkan beroperasi pada kapasiti yang sangat terhad. Peralihan seterusnya kepada PKP Bersyarat (PKPB) pada bulan Mei dan PKP Pemulihan (PKPP) pada bulan Jun memberikan sedikit kelonggaran kepada perniagaan dalam sektor ini. Langkah sekatan pergerakan telah menjejaskan dengan ketara perbelanjaan pengguna dan aktiviti pelancongan, seperti yang ditunjukkan oleh penurunan yang nyata dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, serta dalam subsektor makanan dan minuman, dan penginapan. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan telah menerima kesan daripada ketibaan pelancong yang terhenti secara mendadak akibat sekatan perjalanan yang dikenakan di dalam negeri serta penutupan sempadan antarabangsa. Pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans terjejas akibat pendapatan faedah bersih yang lebih rendah dan pendapatan berasaskan fi yang merosot ekoran aktiviti pasaran modal yang lembap. Sementara itu, pertumbuhan subsektor maklumat dan komunikasi secara relatif mampan disebabkan oleh permintaan yang terus tinggi untuk perkhidmatan data komunikasi terutamanya pada tempoh pengaturan bekerja dari jarak jauh.

Sektor perkilangan menguncup sebanyak 18.3% (S1 2020: 1.5%), disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan sekatan PKP serta keadaan permintaan yang lemah. Pelanjutan PKP mulai penghujung bulan Mac dan sepanjang bulan April telah mengehadkan aktiviti pengeluaran dalam semua industri. Sektor barangan penting dan rantaian bekalannya beroperasi pada kapasiti yang berkurang bagi memastikan penjarakan sosial di tempat kerja diamalkan dengan sewajarnya, manakala sektor bukan penting (*non-essential sectors*) seperti industri kelengkapan pengangkutan dan industri berkaitan tekstil telah menghentikan operasi. Susulan penamatan sekatan PKP pada bulan Mei, syarikat perkilangan memulakan semula operasi secara beransur-ansur dengan mematuhi protokol kesihatan yang khusus pada sektor

dalam keadaan permintaan yang lembap di luar dan di dalam negeri. Keadaan permintaan yang lembap di dalam negeri telah menjejaskan terutamanya prestasi kelompok keluaran berkaitan sumber dan kelompok keluaran berkaitan pengguna. Walau bagaimanapun, kesan daripada permintaan yang lemah ini sebahagiannya dikurangkan oleh tunggakan pesanan yang menyokong pemulihan pengeluaran dengan lebih cepat. Hal ini terutamanya berlaku dalam industri barangan elektrik dan elektronik (*electric and electronics*, E&E).

Sektor perlombongan mencatatkan penguncupan yang lebih teruk sebanyak 20.0% pada suku kedua tahun 2020 (S1 2020: -2.0%). Pengeluaran minyak dan gas terjejas akibat kemerosotan permintaan yang mendadak disebabkan oleh PKP serta kerja penyelenggaraan di Sabah dan Sarawak. Pertumbuhan turut terjejas akibat pengeluaran yang lebih rendah dalam segmen perlombongan lain disebabkan oleh sekatan semasa tempoh PKP.

Aktiviti dalam sektor pembinaan merosot sebanyak 44.5% (S1 2020: -7.9%) apabila hampir semua aktiviti terhenti, terutamanya pada bulan April. Meskipun sebahagian ekonomi dibuka semula pada 4 Mei, kebanyakan tapak pembinaan menghadapi cabaran untuk memulakan semula operasi disebabkan oleh penyesuaian yang perlu dibuat bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedures*, SOP) yang ketat berkaitan dengan COVID-19. Kebanyakan operasi tapak pembinaan dilaporkan terhenti apabila pemaju menghadapi cabaran untuk memulakan semula kerja. Antara cabaran yang dihadapi termasuk kekangan kewangan, kurang pemahaman tentang SOP dan ujian COVID-19 pada peringkat awal, serta gangguan bekalan bahan pembinaan. Walau bagaimanapun, keadaan ini menjadi bertambah baik dengan ketara menjelang akhir suku kedua apabila Kerajaan melaksanakan langkah-langkah tambahan untuk membantu memulihkan ekonomi.[1]

Walau bagaimanapun, sektor pertanian kembali pulih pada suku itu pada 1.0% (S1 2020: -8.7%). Hal ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit yang kembali pulih apabila hasil tandan buah segar kembali ke paras yang wajar daripada paras sebelum ini kesan daripada cuaca kering dan pengurangan penggunaan baja. Pemulihan minyak sawit turut disokong oleh aktiviti penuaian yang lebih tinggi berikutan kehadiran lebih banyak pekerja di estet pada tempoh PKP.[2] Keadaan ini lebih daripada mengimbangi pengeluaran yang lebih rendah dalam subsektor pertanian lain seperti perikanan dan ternakan yang disebabkan oleh permintaan yang lemah.

[1] Langkah-langkah ini termasuk menyediakan maklumat yang lebih terperinci mengenai SOP dengan menerbitkan satu set soalan lazim dan memberikan subsidi bagi ujian COVID-19 untuk pekerja yang dilindungi oleh PERKESO. Selain itu, pekerja digalakkan untuk menggunakan aplikasi mudah alih MySejahtera bagi memudahkan pengesanan kontak jika perlu.

[2] Kehadiran lebih banyak pekerja adalah disebabkan oleh penutupan sempadan semasa PKP yang menghalang pekerja asing pulang ke negara asal mereka, terutamanya pada musim perayaan.

Permintaan dalam negeri menguncup dengan ketara

Rajah 7: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri menurun sebanyak 18.7% pada suku kedua tahun 2020 (S1 2020: 3.7%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih rendah. Perbelanjaan oleh sektor swasta terjejas akibat pendapatan yang lebih rendah, sekatan pergerakan serta sentimen pengguna dan perniagaan yang lembap. Meskipun eksport bersih terus menurun, sumbangan sektor luaran kepada ekonomi meningkat disebabkan terutamanya oleh penguncupan import yang lebih besar berbanding dengan suku sebelumnya.

Pertumbuhan penggunaan swasta menurun sebanyak 18.5% pada suku kedua tahun 2020 (S1 2020: 6.7%). Perbelanjaan isi rumah khususnya terjejas akibat sekatan pergerakan yang ketat pada awal suku kedua dan kehilangan pendapatan isi rumah berikutan ekonomi yang lemah. Apabila sekatan pergerakan dilonggarkan secara beransur-ansur menjelang akhir suku kedua, data runcit dan pembiayaan menunjukkan peningkatan yang sedikit dalam perbelanjaan, meskipun kekal lembap. Pada tempoh yang mencabar ini, langkah rangsangan yang dilaksanakan seperti pembayaran pindahan tunai Bantuan Prihatin Nasional, pengeluaran i-Lestari KWSP dan pelaksanaan moratorium pinjaman membantu untuk menampung perbelanjaan penggunaan.

Penggunaan awam terus berkembang meskipun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.3% (S1 2020: 5.0%). Pertumbuhan ini disokong oleh perbelanjaan emolumen yang terus meningkat dalam keadaan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah.

Rajah 8: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar (*gross fixed capital formation*, GFCF) mencatatkan penguncupan yang lebih ketara sebanyak 28.9% (S1 2020: -4.6%) yang terjejas akibat perbelanjaan modal yang sangat rendah oleh sektor awam dan sektor swasta. Dari segi jenis aset, pelaburan untuk struktur serta jentera dan kelengkapan (*machinery & equipment*, M&E) masing-masing merosot sebanyak 41.2% (S1 2020: -4.0%) dan 11.1% (S1 2020: -6.2%).

Pelaburan swasta merosot sebanyak 26.4% (S1 2020: -2.3%), disebabkan terutamanya oleh langkah pembendungan COVID-19, dan peningkatan ketidakpastian yang menjejaskan sentimen perniagaan dan minat untuk melabur. Pada suku kedua, pelaburan terjejas akibat sekatan pergerakan yang menghentikan pelaksanaan projek untuk sementara waktu. Meskipun PKP dilonggarkan secara beransur-ansur, syarikat terus mengambil pendekatan yang berhati-hati terhadap perbelanjaan modal dalam keadaan pengeluaran yang lebih rendah dan gangguan pada rantaian nilai global. Perniagaan turut menghadapi cabaran dalam penyampaian dan pemasangan M&E disebabkan oleh penutupan sempadan.

Pelaburan awam juga mencatatkan penurunan yang lebih besar sebanyak 38.7% (S1 2020: -11.3%). Hal ini adalah disebabkan oleh penguncupan dalam perbelanjaan modal oleh kerajaan am dan syarikat awam disebabkan terutamanya oleh sekatan pergerakan.

Inflasi keseluruhan negatif disebabkan oleh penurunan harga bahan api; risiko deflasi adalah minimum

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), merosot kepada -2.6% pada suku kedua tahun 2020 (S1 2020: 0.9%). Inflasi keseluruhan yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh penurunan yang ketara dalam harga runcit bahan api (purata harga petrol RON95 seliter pada S2 2020: RM 1.37; S1 2020: RM 1.96) dan pelaksanaan rebat tarif penggunaan elektrik secara bertingkat mulai bulan April.

Walaupun inflasi keseluruhan negatif, penurunan harga adalah tidak menyeluruh. Pada bulan April, bahagian barangan IHP yang mencatatkan harga yang tidak berubah adalah secara relatif lebih besar (61%; bulan Mac: 50%) ekoran PKP yang mengakibatkan aktiviti ekonomi berkurang dengan ketara. Apabila aktiviti ekonomi disambung semula secara beransur-ansur di bawah PKPB dan PKPP mulai awal bulan Mei, terdapat beberapa tanda bahawa harga telah kembali ke paras yang wajar dengan peningkatan secara beransur-ansur dalam bahagian barangan IHP yang mencatatkan kenaikan harga (bulan Mei: 36%; bulan Jun: 44%).

Inflasi teras menurun sedikit kepada 1.2% (S1 2020: 1.3%). Meskipun tekanan permintaan keseluruhan menjadi sederhana dan keadaan pasaran pekerja menjadi bertambah lemah, beberapa barangan dan perkhidmatan penting seperti makanan di luar rumah dan peralatan kecil untuk kegunaan di rumah mengalami kenaikan harga pada suku kedua tahun 2020. Keadaan ini menunjukkan wujudnya permintaan asas yang berterusan, terutama sekali untuk barangan keperluan.

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen



Rajah 10: Perubahan Bulanan dalam Harga Barangan IHP[4]



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

[3] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

[4] Berdasarkan inflasi bulanan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit.

Rencana

COVID-19: Kesannya terhadap Inflasi

oleh **Peter Aun Maojun *dan* Nur Aimi Abdul Ghani**

Pengenalan

Pandemik COVID-19 dan seterusnya "*Great Lockdown*" (IMF, 2020) telah mengakibatkan gabungan dua kejutan yang unik pada permintaan dan penawaran (Baqaee dan Farhi, 2020). Lantas, hal ini telah menimbulkan perdebatan sama ada keadaan tersebut akan menyebabkan tekanan deflasi atau peningkatan inflasi.

Lazimnya, kemerosotan dalam permintaan agregat ekoran ketidakpastian yang meningkat dan pendapatan yang tidak stabil boleh mengurangkan tekanan inflasi. Walau bagaimanapun, kos pengeluaran yang lebih tinggi akibat gangguan rantaian bekalan serta kesan penjarakan sosial dan sekatan pergerakan merentas sempadan terhadap bekalan tenaga kerja, boleh menyebabkan tekanan inflasi yang didorong oleh kos meningkat. Sekatan pergerakan awal pada permulaan pandemik telah mengubah corak permintaan, dan jika keadaan ini berkekalan, boleh menyebabkan perubahan pada tahap kuasa pasaran yang dapat digunakan oleh syarikat, dan akhirnya mempengaruhi inflasi keseimbangan (*equilibrium inflation*). Rencana ini bertujuan untuk menilai beberapa saluran yang telah mempengaruhi inflasi dalam tempoh jangka pendek, dan memberikan penilaian interim mengenai perubahan struktur dinamik inflasi yang mungkin berlaku, meskipun masih belum pasti.

Rajah 1: Ilustrasi beberapa faktor global dan domestik serta potensi kesan faktor tersebut terhadap harga



Sumber: Bank of England (2020) dan Portes (2020)

Tinjauan ringkas kesan terhadap inflasi yang berlaku setakat ini

Rajah 1 menunjukkan pelbagai faktor yang terlibat dan kesannya terhadap harga. Krisis ini telah menyebabkan kemerosotan yang ketara dalam permintaan bagi banyak komoditi utama. Harga minyak dunia mengalami penurunan yang curam pada bulan Mac dan April apabila sekatan pergerakan di seluruh dunia mengakibatkan permintaan untuk produk tenaga[1] berkurang dengan ketara. Keadaan ini menyebabkan harga runcit bahan api dalam negeri menjadi rendah, dan memberikan kesan negatif yang besar kepada inflasi keseluruhan dalam negeri sejak bulan Mac. Namun begitu, harga komoditi makanan meningkat disebabkan oleh sekatan eksport ekoran penyimpanan bekalan oleh negara pengeluar bersama-sama dengan gangguan dalam logistik untuk eksport. Sebagai contoh, Vietnam dan Kemboja pada awalnya membuat keputusan untuk membuat sekatan eksport beras buat sementara waktu bagi memastikan bekalan beras dalam negeri mereka mencukupi. Hal ini telah mengakibatkan harga beras yang diimport menjadi lebih mahal.[2]

Di Malaysia, gangguan bekalan yang ketara berlaku pada permulaan krisis ini disebabkan oleh sekatan pergerakan yang ketat, yang seterusnya mengakibatkan tekanan harga meningkat untuk beberapa barangan makanan yang mudah rosak. Sementara itu, apabila ekonomi dibuka semula, beberapa sektor yang sebelum ini terpaksa menghentikan operasi buat sementara waktu[3] didapati masih mengalami keadaan permintaan yang lembap. Hal ini disebabkan oleh kebimbangan mengenai keadaan kesihatan, lantas mendorong perniagaan dalam sektor tersebut menawarkan harga promosi untuk menarik pelanggan.

Langkah penguatkuasaan undang-undang bagi pengawasan yang berkaitan dengan kesihatan turut mempengaruhi inflasi. Selain arahan tegas supaya duduk di rumah pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kerajaan juga melaksanakan Prosedur Operasi Standard khusus mengikut sektor dalam usaha membendung penularan virus.[4] Terdapat bukti yang pelbagai menunjukkan bahawa kos perniagaan yang mempunyai permintaan yang kurang anjal (contohnya, kedai gunting rambut) boleh dipindahkan kepada pengguna, manakala perniagaan lain seperti hotel dan pusat hiburan, sebahagian besarnya menyerap kenaikan kos bagi memacu permintaan ekoran sikap pengguna yang lebih berjaga-jaga. Kerajaan juga telah melaksanakan langkah-langkah yang bertujuan untuk mengurangkan beban kos[5], yang telah membantu mengurangkan tekanan inflasi.

---

[1] Kemerosotan ini menjadi lebih teruk apabila Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (*Organization of the Petroleum Exporting Countries*) dan sekutunya (secara kolektif dikenali sebagai OPEC+) gagal mencapai persetujuan mengenai pemotongan pengeluaran minyak (Woodmac, 2020).

[2] Beras mencakupi 1.1% daripada kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP), dan daripada jumlah ini, beras yang diimport mencakupi 20%.

[3] Sebagai contoh, pusat hiburan dan pusat kesejahteraan diri (cth. perkhidmatan refleksologi).

[4] Sebahagian daripada langkah ini termasuk penjarakan sosial, penggunaan bahan berkaitan kebersihan diri (cth. pensanitasi, pembasmi kuman, pelitup muka, sarung tangan) di premis dan langkah pencegahan yang lain (cth. menu digital, ujian saringan untuk pekerja, termometer digital).

[5] Langkah ini termasuk rebat tarif elektrik yang bertingkat serta kawalan harga untuk beberapa barangan perlu.

Secara keseluruhan, Malaysia mengalami tekanan inflasi yang sederhana sejak bermulanya pandemik, disebabkan terutamanya oleh harga minyak global yang rendah - iaitu keadaan serupa yang berlaku di negara lain. Sejak itu, Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*, IMF) telah menyemak semula dan menurunkan unjuran inflasi bagi tahun 2020 disebabkan oleh gabungan harga komoditi yang lebih rendah dan aktiviti ekonomi yang lebih lemah (lihat Jadual 1).

Jadual 1: Unjuran Inflasi IMF

	Unjuran 2020 (%)		**Unjuran 2021 (%)**	
	Jan-20	Jun-20	Jan-20	Jun-20
Ekonomi Maju	1.7	0.3 ↓	1.9	1.1 ↓
Pasaran Sedang Pesat Membangun & Ekonomi Sedang Membangun	4.6	4.4 ↓	4.5	4.5 ∼

Sumber: IMF World Economic Outlook Update Reports (January & June 2020)

Meskipun kebimbangan awal kini mulai berkurang, prospek inflasi pada masa hadapan masih bergantung pada perkembangan COVID-19 yang berubah-ubah dan kadar pemulihan ekonomi. Setakat ini, terdapat risiko yang terhad bagi kemerosotan harga yang menyeluruh dan berterusan, dengan tekanan harga menunjukkan tanda-tanda untuk kembali ke paras yang wajar[6] sejak pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur. Selain itu, meskipun inflasi asas dijangka lembap, purata inflasi bagi tahun 2020 dijangka berada dalam lingkungan paras jangkaan sebelum ini. Keadaan ini mencerminkan aktiviti ekonomi yang disambung semula secara beransur-ansur serta keadaan permintaan yang bertambah baik.

Faktor struktur dan kesan jangka lebih panjang terhadap inflasi: Perkara yang masih tidak pasti

Walaupun kesan daripada pelbagai kejutan yang dinyatakan di atas dinilai berdasarkan rangka kerja yang sedia ada (seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1), penting untuk diperhatikan bahawa saluran inflasi mungkin berubah. Bahagian ini membincangkan tentang perubahan struktur yang mungkin boleh berlaku pada masa hadapan.

[6] Bahagian barangan yang menunjukkan kenaikan harga telah pulih dengan stabil (Jun: 44% daripada barangan IHP; Mei: 36%; April: 10%; Purata tahun 2010-2018: 46%).

Rajah 2: Peralihan Bahagian Perbelanjaan Semasa Tempoh PKP



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysian dan anggaran Bank Negara Malaysia

1) **Perubahan corak penggunaan semasa pandemik**

Corak penggunaan isi rumah berubah dengan ketara semasa pelaksanaan PKP seperti yang ditunjukkan dalam kaji selidik mengenai Impak PKP Ke Atas Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (*Department of Statistics Malaysia*, DOSM).[7]

Kaji selidik ini menunjukkan perubahan corak ke arah penggunaan produk makanan yang lebih tinggi, apabila isi rumah menyimpan stok yang banyak pada awal tempoh PKP dan pada amnya lebih kerap makan di rumah. Terdapat juga pengurangan perbelanjaan bagi kategori pengangkutan, restoran dan hotel, serta rekreasi dan pakaian, berikutan sekatan pergerakan dan penutupan mandatori bagi sektor terpilih.

Bagi memberikan perspektif mengenai COVID-19 dan menilai kesannya kepada pengukuran inflasi di Malaysia, Bank Negara Malaysia telah membuat pengiraan angka inflasi dengan mengemas kini wajaran kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP) menggunakan dapatan daripada kaji selidik mengenai kesan PKP yang dibuat oleh DOSM antara bulan Mac hingga bulan April.

[7] Wajaran barangan dan perkhidmatan dalam IHP berdasarkan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2016 oleh DOSM.

Rajah 3: Inflasi Keseluruhan (%) Berdasarkan Corak Perbelanjaan yang Pelbagai



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysian dan anggaran Bank Negara Malaysia

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3, inflasi keseluruhan mungkin lebih tinggi pada bulan Mac dan April jika perubahan corak penggunaan diambil kira. Dapatan ini adalah sama dengan dapatan yang diperoleh di negara-negara lain, antaranya Amerika Syarikat, Perancis, United Kingdom dan Jepun[8], iaitu para pengkaji mendapati bahawa kadar inflasi rasmi sepatutnya lebih tinggi apabila perubahan corak perbelanjaan diambil kira (Cavallo, 2020).

Perubahan yang ketara dalam corak penggunaan ini menyebabkan kebimbangan awal mengenai ketepatan penilaian inflasi. Meskipun kebimbangan ini berasas, penting untuk diambil maklum bahawa berdasarkan piawaian antarabangsa, wajaran kumpulan IHP tidak seharusnya diselaraskan sebagai tindak balas kepada perubahan jangka pendek dalam corak perbelanjaan.

Berdasarkan penilaian semasa, corak perbelanjaan ini dijangka kembali ke paras yang wajar secara beransur-ansur apabila ekonomi pulih, kebimbangan mengenai kesihatan menjadi reda dan sekatan ditamatkan. Oleh itu, sebarang pelarasan pada wajaran IHP tidak perlu dibuat pada peringkat ini. Namun begitu, jika perubahan dalam penggunaan ini berterusan disebabkan oleh perubahan struktur yang lain dalam ekonomi, keadaan ini mungkin memerlukan supaya perubahan itu diambil kira bagi memastikan ketepatan penilaian tekanan inflasi.

[8] Cavallo (2020) juga mendapati keputusan yang sama untuk Brazil, Uruguay, Korea, Chile, Colombia, Turki, Sepanyol, Argentina dan Kanada.

2) **Perubahan dalam dinamik persaingan**

Selain perubahan corak penggunaan, krisis ini juga boleh mengubah dinamik persaingan (Pastor, 2020). Apabila syarikat ditutup akibat pandemik, komposisi syarikat yang masih beroperasi berpotensi untuk meninggalkan kesan kepada dinamik inflasi di Malaysia. Kesan ini mungkin dipengaruhi oleh sebahagian besar perniagaan yang masih beroperasi sama ada terdiri daripada syarikat rangkaian antarabangsa yang besar ataupun perniagaan kecil. Jika kebanyakan syarikat yang masih beroperasi merupakan syarikat rangkaian antarabangsa yang besar, harga barangan dalam negeri mungkin menjadi lebih sensitif kepada pergerakan harga global.

Tindak balas inflasi kepada jurang keluaran (*slack*) mungkin turut berubah disebabkan oleh perubahan struktur pasaran (Guilloux-Nefussi, 2020). Bukti menunjukkan bahawa syarikat, terutamanya syarikat besar yang mempunyai kuasa pasaran yang tinggi, bertindak secara strategik dengan melaraskan tokokan (*mark-up*) harga mereka sebagai tindak balas kepada tanggapan persaingan, atau lebih dikenali sebagai kesalinglengkapan strategik (*strategic complementarity*). Didapati bahawa syarikat sebegini kebanyakannya menyelaraskan harga sebagai tindak balas kepada perubahan harga yang dibuat oleh pesaing mereka, dan bukannya disebabkan oleh kos mereka sendiri (Amiti et al., 2019). Oleh itu, tahap pindahan kejutan kos kepada harga dalam negeri sangat dipengaruhi oleh industri tempatan sama ada kebanyakannya terdiri daripada beberapa syarikat besar, kerana industri sebegini berkemungkinan akan menggunakan strategi pelarasan tokokan. Setakat ini, perubahan struktur seperti itu dan kesan seterusnya kepada inflasi masih tidak pasti memandangkan perkembangan yang terus berubah-ubah. Pada masa hadapan, lebih banyak data dan pengawasan yang lebih mendalam diperlukan untuk menentukan sebarang perubahan dalam komposisi industri.

3) **Kesan daripada kerosakan ekonomi dan perubahan pasaran pekerja**

Ahli ekonomi juga telah menyuarakan kebimbangan mengenai potensi kerosakan jangka lebih panjang kepada ekonomi, atau "*economic scarring*" (IMF, 2020), khususnya pasaran pekerja yang boleh memberikan kesan terhadap dinamik inflasi. Jika pemulihan ekonomi menjadi lebih lembap daripada jangkaan, jumlah individu menganggur mungkin akan meningkat, khususnya dalam sektor yang terjejas teruk akibat pandemik. Sesetengah individu ini berkemungkinan akan keluar daripada tenaga kerja sepenuhnya. Selain itu, pengangguran yang berpanjangan bagi individu ini lambat-laun akan menyebabkan kemahiran mereka terjejas dan seterusnya mengakibatkan kemerosotan produktiviti penduduk yang bekerja (Neuman, 1995), di samping penyertaan tenaga pekerja yang terdiri daripada individu yang mempunyai kemahiran yang tidak diperlukan lagi (Van Loo dll., 2001). Hakikatnya, pandemik yang pernah berlaku sebelum ini dikaitkan sebagai punca produktiviti pekerja merosot sebanyak enam peratus selepas lima tahun di negara yang terjejas (Bank Dunia, 2020). Walau bagaimanapun, kesan terhadap harga masih

tidak pasti. Meskipun ekonomi yang semakin lembap dan penggunaan teknologi oleh syarikat yang meningkat semasa pandemik ini boleh menyebabkan tekanan upah menurun, penyertaan tenaga kerja dan kadar pertumbuhan produktiviti yang merosot mungkin menyebabkan tekanan kos menjadi lebih tinggi.

Pandemik ini juga mungkin telah mempercepat perubahan kepada bentuk guna tenaga yang lebih fleksibel, seperti pekerja sambilan (*gig workers*) dalam sektor terpilih (Moulds, 2020). Bentuk guna tenaga seperti ini boleh memberikan kesan kepada dinamik inflasi, terutamanya melalui tekanan menurun kepada inflasi upah yang disebabkan oleh berkurangnya kuasa majikan untuk berunding dan kos yang lebih rendah untuk syarikat berikutan pengurangan kos pertukaran pekerja dalam pasaran pekerja (Duca, 2018). Dalam tempoh jangka panjang, sebahagian pekerja mungkin tidak ditawarkan pekerjaan tetap, lalu menyebabkan tekanan yang lebih kecil pada inflasi upah apabila ekonomi pulih (Cœuré, 2017).

Jika pandemik dan langkah pembendungan berterusan, gangguan terhadap pasaran pekerja akan melambatkan pemulihan output ke tahap sebelum terjadinya COVID-19. Sejauh mana kerugian output akan berkekalan bergantung pada pandemik sama ada wabak itu akan menjadi lebih buruk dan berlanjutan. Walaupun penilaian yang lengkap dan muktamad mengenai perubahan struktur tidak dapat dibuat pada masa ini memandangkan ketidakpastian mengenai krisis yang sedang berlaku, perkembangan dan kesan perubahan tersebut ke atas inflasi, jika ada, perlu dipantau dengan teliti.

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 dan langkah pembendungan susulan yang belum pernah dilakukan sebelum ini telah menyebabkan perubahan yang ketara terhadap cara ekonomi beroperasi. Selain kesan jangka pendek, terdapat juga saluran yang boleh menyebabkan implikasi kepada struktur dinamik inflasi pada jangka lebih panjang. Walau bagaimanapun, tatkala kita beralih kepada kebiasaan baharu, masih terdapat ketidakpastian yang tinggi mengenai penilaian inflasi dan trajektori pertumbuhan pada masa akan datang, dan sentimen ini sama dirasai di seluruh dunia.

Meskipun keadaan kian stabil, yang pasti kita masih belum terlepas lagi daripada pandemik COVID-19. Oleh itu, pengawasan yang lebih teliti perlu dilakukan di samping penilaian yang berterusan terhadap sebarang perubahan pada dinamik inflasi. Untuk mencapai matlamat ini, Bank akan terus memantau perkembangan harga dan jangkaan inflasi dengan rapi, disertai dengan penunjuk masa nyata dan berfrekuensi tinggi di samping mengadakan perbincangan dengan peserta industri untuk mendapatkan pandangan yang lebih mendalam. Selain itu, Bank akan memaklumkan dengan jelas kepada pihak awam mengenai perkembangan dan prospek inflasi yang masih berubah-ubah, bagi memastikan jangkaan harga terus diurus dengan baik.

Rujukan

Amiti, M., Itskhoki, O. and Konings, J. (2019), 'International shocks, variable markups, and domestic prices', *The Review of Economic Studies* 86(6), 2356–2402.

Bank of England (2020), 'How does Covid-19 affect economic activity and inflation?', `https://www.bankofengland.co.uk/bank-overground/2020/how-does-covid-19-affect-economic-activity-and-inflation`. Accessed: 13-Aug-2020.

Cavallo, A. (2020), 'Inflation with Covid Consumption Baskets', *Harvard Business School BGIE Unit Working Paper* (20-124).

Cœuré, B. (2017), The transmission of the ECB's monetary policy in standard and non-standard times, Vol. 9, p. 2017.

Duca, J. V. (2018), 'Inflation and the Gig Economy: Have the Rise of Online Retailing and Self-Employment Disrupted the Phillips Curve?'.

Farhi, E. and Baqaee, D. R. (2020), 'Supply and Demand in Disaggregated Keynesian Economies with an Application to the Covid-19 Crisis'.

Guilloux-Nefussi, S. (2020), 'Globalization, market structure and inflation dynamics', *Journal of International Economics* 123, 103292.

International Monetary Fund (2020*a*), 'World Economic Outlook, April 2020: The Great Lockdown'.

International Monetary Fund (2020*b*), 'World Economic Outlook, January 2020: Tentative Stabilization, Sluggish Recovery?'.

International Monetary Fund (2020*c*), 'World Economic Outlook, June 2020: A Crisis Like No Other, An Uncertain Recovery'.

Mackenzie, W. (2020), 'The oil market in crisis', `https://www.woodmac.com/nslp/the-oil-market-in-crisis/`. Accessed: 13-Aug-2020.

Neuman, S. and Weiss, A. (1995), 'On the effects of schooling vintage on experience-earnings profiles: theory and evidence', *European Economic Review* 39(5), 943–955.

Pastor, L. (2020), 'Will COVID-19 be followed by inflation? An inter-generational transfer perspective', `https://voxeu.org/content/will-covid-19-be-followed-inflation-inter-generational-transfer-perspective`. Accessed: 13-Aug-2020.

Portes, J. (2020), 'The lasting scars of the Covid-19 crisis: Channels and impacts', `https://voxeu.org/article/lasting-scars-covid-19-crisis`. Accessed: 13-Aug-2020.

Van Loo, J., De Grip, A. and De Steur, M. (2001), 'Skills obsolescence: causes and cures', *International Journal of Manpower* .

World Bank (2020), 'Global economic prospects: June 2020', *World Bank Group* .

Keadaan pasaran pekerja lemah

Rajah 11: Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah Sektor Swasta[5]



Rajah 12: Tuntutan Pengangguran Mengikut Industri



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial

Keadaan pasaran pekerja menjadi lemah apabila langkah pembendungan dan permintaan yang lembap mendorong syarikat untuk mengambil tindakan pengurangan kos. Langkah seperti pemberhentian pekerja, pemotongan gaji dan cuti tanpa gaji telah menjejaskan keadaan guna tenaga dan pendapatan. Guna tenaga merosot sebanyak 1.3% (S1 2020: +1.6%). Kehilangan pekerjaan tertumpu terutamanya dalam industri berkaitan pelancongan apabila permintaan menjadi lemah dengan ketara berikutan penutupan sempadan. Akibatnya, kadar pengangguran meningkat kepada 5.1% (S1 2020: 3.5%).

Selain kehilangan pekerjaan, waktu kerja yang lebih singkat dan pemotongan gaji dalam kalangan mereka yang masih bekerja mengakibatkan pertumbuhan upah sektor swasta menjadi negatif pada suku kedua tahun 2020 (-5.6%, S1 2020: 2.1%). Pertumbuhan upah perkhidmatan swasta yang negatif pada suku kedua tahun 2020 (-6.4%, S1 2020: 1.4%) didorong terutamanya oleh perkhidmatan berkaitan pelancongan, seperti subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, dan penginapan (-3.5%; S1 2020: 1.9%) serta dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan (-29.7%; S1 2020: -3.5%). Dalam sektor perkilangan, kadar upah menguncup sebanyak 4.0% (S1 2020: +3.4%). Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan upah yang lebih rendah dalam subsektor kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain (-13.3%; S1 2020: 1.3%), serta subsektor tekstil, pakaian, barangan kulit dan kasut (-15.3%; S1 2020: 2.4%) yang tidak boleh beroperasi semasa tempoh PKP.

[5] Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data ini merangkumi 62.9% daripada jumlah guna tenaga.

[6] Merujuk perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, penginapan, pengangkutan dan penyimpanan, hiburan dan rekreasi, serta perkhidmatan pentadbiran dan sokongan.

Aktiviti perdagangan merosot disebabkan oleh penguncupan dalam eksport perkilangan & komoditi, serta permintaan yang lebih rendah daripada rakan perdagangan utama

Rajah 13: Eksport Kasar mengikut Keluaran dan Pasaran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku kedua tahun 2020, eksport kasar merosot sebanyak 14.3% (S1 2020: 1.1%), terjejas akibat pertumbuhan yang lebih rendah dalam eksport perkilangan dan komoditi. Import kasar menguncup sebanyak 15.1% (S1 2020: 1.3%) disebabkan oleh import barangan perantaraan dan penggunaan yang lebih rendah. Lebihan perdagangan[7] mengecil kepada RM27.6 bilion (S1 2020: RM37.0 bilion).

Pada suku kedua tahun 2020, prestasi eksport Malaysia terjejas akibat langkah sekatan pergerakan pada peringkat global yang disebabkan oleh COVID-19. Hal ini menimbulkan gangguan pada rantaian bekalan global, permintaan yang lebih rendah daripada rakan perdagangan utama dan harga komoditi yang lebih lemah. Di dalam negeri, meskipun sekatan PKP menjejaskan pengeluaran pada awal suku kedua, eksport barangan perkilangan kembali mencatatkan pertumbuhan yang positif pada bulan Jun sebaik sahaja sekatan dilonggarkan. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh syarikat mula memenuhi pesanan tertunggak, khususnya dalam sektor E&E. Pada keseluruhan suku kedua, eksport perkilangan menguncup sebanyak 12.1% (S1 2020: 2.5%) disebabkan terutamanya oleh eksport barangan bukan E&E yang lebih rendah yang mencatatkan kemerosotan dua angka sebanyak -14.1% (S1 2020: 11.2%). Keadaan ini disebabkan oleh eksport barangan petroleum, keluaran logam serta kimia dan barangan kimia yang lebih rendah. Eksport E&E menguncup lagi (-9.5%; S1 2020: -7.6%) berikutan eksport yang lebih rendah kepada rakan perdagangan utama, termasuklah EU, AS dan Jepun. Eksport komoditi menjadi lebih teruk (-24.7%; S1 2020: -5.6%) disebabkan terutamanya oleh penguncupan mendadak dalam eksport mineral berikutan harga dan jumlah eksport yang lebih rendah.

[7] Lebihan barangan dan perdagangan berbeza kerana barang untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan hak miik) adalah dikecualikan dari akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi ke-6 (*6th Edition of the Balance of Payments and International Investment Position Manual*, BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Import barangan pengantara menguncup sebanyak 23.4% (S1 2020: 8.1%) pada suku kedua disebabkan oleh import barangan perindustrian serta bahan api dan pelincir yang lebih rendah ekoran aktiviti perkilangan yang merosot. Import barangan penggunaan turut menurun (-9.3%; S1 2020: 4.8%), didorong terutamanya oleh penguncupan yang mendadak dalam barangan pengguna tahan lama. Sementara itu, import modal meningkat sebanyak 14.8% (S1 2020: -27%), disebabkan terutamanya oleh import satu struktur terapung (*floating structure*) yang besar.

Imbangan akaun semasa mencatatkan lebihan sebanyak RM7.6 bilion

Rajah 14: Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun semasa dalam imbangan pembayaran mencatatkan lebihan sebanyak RM7.6 bilion atau 2.5% daripada KDNK pada suku kedua tahun 2020 (S1 2020: RM9.5 bilion atau 2.6% daripada KDNK). Lebihan barangan menurun kepada RM25.9 bilion (S1 2020: RM28.9 bilion) apabila penurunan paras eksport melebihi penurunan paras import. Dalam akaun perkhidmatan, defisit meningkat kepada RM12.5 bilion (S1 2020: -RM8.0 bilion) iaitu defisit terbesar yang pernah dicatatkan. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh defisit akaun perjalanan (-RM3.1 bilion; S1 2020: RM+2.1 bilion) berikutan sekatan perjalanan antarabangsa.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM4.0 bilion (S1 2020: -RM6.0 bilion). Keadaan ini mencerminkan terutamanya pendapatan pelaburan langsung yang lebih tinggi daripada pelaburan Malaysia di luar negeri.

Defisit dalam akaun pendapatan sekunder mengecil kepada RM1.9 bilion (S1 2020: -RM5.4 bilion). Pengiriman wang keluar oleh pekerja asing adalah lebih rendah disebabkan oleh kelemahan yang menyeluruh dalam kegiatan ekonomi pada suku itu.

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih

Rajah 15:
Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor



Rajah 16:
Pelaburan Portfolio



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM19.8 bilion (S1 2020: -RM13.3 bilion) disebabkan terutamanya oleh aliran keluar daripada akaun pelaburan lain. Aliran keluar ini sebahagiannya diimbangi oleh aliran masuk akaun pelaburan portfolio.

Akaun pelaburan langsung bertukar arah untuk mencatatkan aliran keluar bersih yang kecil iaitu sebanyak RM1.2 bilion (S1 2020: +RM3.4 bilion). Hal ini berikutan aliran keluar yang lebih tinggi dicatatkan dalam akaun pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) dalam keadaan aliran masuk pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) yang lebih kecil. DIA mencatatkan aliran keluar sebanyak RM3.5 bilion pada suku kedua (S1 2020: -RM3 bilion). Pelaburan ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan kewangan serta perkhidmatan maklumat dan komunikasi. FDI mencatatkan aliran masuk yang lebih rendah iaitu berjumlah RM2.2 bilion (S1 2020: +RM6.4 bilion) di samping pertumbuhan global mengalami penguncupan. Aliran masuk disalurkan terutamanya ke dalam sektor perlombongan dan diikuti oleh sektor perkhidmatan, khususnya sektor perkhidmatan kewangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM22.2 bilion (S1 2020: -RM41.3 bilion) berikutan aliran masuk daripada bukan pemastautin di samping pelaburan portfolio pemastautin di luar negeri yang menjadi sederhana. Pelaburan bukan pemastautin mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM24.3 bilion (S1 2020: -RM26.2 bilion). Aliran masuk ini disalurkan ke dalam sekuriti hutang (RM33.1 bilion), dan sebahagiannya diimbangi oleh aliran keluar yang berterusan daripada pasaran ekuiti (RM8.9 bilion). Hal ini berikutan terbitan bon jangka panjang oleh syarikat minyak dan gas negara serta aliran masuk bukan pemastautin ke dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia. Pelaburan portfolio oleh pemastautin mencatatkan aliran keluar bersih yang kecil iaitu sebanyak RM2 bilion (S1 2020: -RM15.1 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran keluar bersih yang ketara sebanyak RM41.3 bilion (S1 2020: +RM22.1 bilion). Hal ini mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman antara bank bersih di luar negeri oleh sektor kewangan domestik. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah +RM5.9 bilion pada suku kedua atau +1.5% daripada jumlah perdagangan.

Hutang luar negeri meningkat tetapi kekal terurus

Rajah 17: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri

Perubahan bersih*: + RM27 bilion



*Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran.

**Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM1,003 bilion, atau 69.3% daripada KDNK pada akhir bulan Jun 2020 (akhir bulan Mac 2020: RM975.9 bilion atau 64.4% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini mencerminkan terutamanya terbitan bersih bon dan nota antarabangsa, serta peningkatan pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia oleh bukan pemastautin. Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh deposit bukan pemastautin yang lebih rendah dalam sistem perbankan dan kesan penilaian berikutan nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan mata wang utama dan serantau terpilih pada suku kedua tahun 2020.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matangnya serta ketersediaan aset luaran yang besar. Hutang luar negeri dalam denominasi ringgit berjumlah RM305.2 bilion, atau 30.4% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan Mac 2020: 30.4%), terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 64.4% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan deposit ringgit bukan pemastautin (bahagian sebanyak 19%) dalam institusi perbankan domestik. Oleh itu, liabiliti tersebut tidak tertakluk pada perubahan penilaian yang mungkin timbul akibat turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Rajah 18: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% bahagian)



*Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.

Rajah 19: Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (IIP)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Baki hutang luar negeri sebanyak RM697.8 bilion, atau 69.6% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FCY). Sektor korporat mencakupi 49% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY dan kebanyakannya tertakluk pada keperluan kehematan dan lindung nilai. Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir yang mencakupi 26.6% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY berjumlah RM185.3 bilion pada akhir bulan Jun 2020. Hutang luar negeri ini kebanyakannya diambil oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat yang berjumlah RM100 bilion atau 14.3% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY lazimnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 37.7% (atau RM263.2 bilion) daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Kira-kira 82.1% daripada peminjaman antara bank ini adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan yang kebanyakannya lebih stabil lantas mengehadkan risiko pelanjutan (*rollover risk*) yang ditanggung oleh bank. Sementara itu, risiko mata wang asing, yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi FCY[8], kekal rendah pada 4.9% daripada jumlah modal bank.

Pada suku kedua, hutang luar negeri jangka pendek dalam denominasi FCY bank-bank menurun sebanyak RM9.8 bilion didorong oleh keperluan bank tempatan terhadap mudah tunai yang lebih rendah. Hal ini kerana sebahagian besar pendanaan bank tempatan untuk operasi ringgit kekal diperoleh dari dalam negeri. Keadaan pendanaan domestik dan mudah tunai yang stabil, yang membolehkan bank-bank memperoleh manfaat daripada kos pendanaan yang lebih rendah berikutan pengurangan OPR yang berturut-turut, asas deposit yang meningkat dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi telah mengurangkan lagi daya tarikan peminjaman luar negeri. Walau bagaimanapun, penurunan peminjaman oleh bank tempatan sebahagiannya diimbangi oleh pem-

[8] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau panjang bagi semua mata wang di seluruh industri perbankan.

injaman yang lebih tinggi oleh cawangan bank-bank asing di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC). Dana yang diterima oleh bank-bank asing di LIBFC kebanyakannya diperoleh daripada bank induk mereka dan seterusnya dipinjamkan kepada pelanggan bukan pemastautin. Hal ini mencerminkan aktiviti perniagaan 'out-out' mereka.

Dari segi tempoh matang, 58.7% daripada jumlah hutang luar negeri lebih cenderung kepada tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang (akhir bulan Mac 2020: 56.8%), lantas menunjukkan risiko pelanjutan yang rendah. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 41.3% daripada hutang luar negeri. Sebanyak 47.9% daripada hutang luar negeri jangka pendek ini merupakan peminjaman antara kumpulan dalam kalangan bank dan syarikat, yang pada amnya stabil dan pada kadar konsesi. Kira-kira 12.1% lagi merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya disokong oleh pendapatan eksport dan dengan itu terbiaya sendiri.

Pada 30 Julai 2020, rizab antarabangsa berjumlah USD104.2 bilion. Jumlah ini mencukupi untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Selain itu, Malaysia mengekalkan kedudukan aset mata wang asing bersih yang cukup besar. Kira-kira 95.1% daripada aset luaran adalah dalam denominasi mata wang asing berbanding dengan 45% daripada jumlah liabiliti luaran. Hal ini menunjukkan keupayaan Malaysia untuk menghadapi kejutan luaran. Khususnya, penyusutan nilai dalam kadar pertukaran ringgit akan menyebabkan peningkatan yang lebih besar dalam aset luaran berbanding dengan liabiliti luaran, lantas menambah baik kedudukan luaran Malaysia.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Sorotan

- **Ringgit menambah nilai sedikit; pasaran bon dan ekuiti bertambah baik.**
- **Kadar faedah nominal dalam pasaran borong dan runcit terus menurun.**
- **Pembiayaan bersih terus berkembang pada asas tahunan.**

Keadaan pasaran kewangan domestik bertambah baik berikutan berkurangnya aktiviti penghindaran risiko global

Rajah 20: Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 21: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi pasaran kewangan domestik bertambah baik pada suku kedua tahun 2020, didorong oleh peningkatan semula kesanggupan pelabur mengambil risiko berikutan pelaksanaan segera suntikan mudah tunai berskala besar dan tindak balas dasar oleh bank-bank pusat dan kerajaan di seluruh dunia, khususnya di negara maju, bagi mengurangkan kesan pandemik COVID-19. Langkah dasar dengan magnitud yang belum pernah dilakukan oleh bank-bank pusat utama sebelum ini adalah mencukupi untuk menstabilkan sentimen pasaran. Selain itu, tindakan negara-negara melonggarkan sekatan pergerakan secara beransur-ansur bagi membuka semula ekonomi masing-masing turut memberikan sokongan selanjutnya kepada sentimen pelabur.

Rajah 22: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Kesannya, pasaran kewangan serantau termasuk Malaysia menunjukkan peningkatan yang menyeluruh merentas pasaran aset. Pada suku kedua 2020, pasaran kewangan domestik mengalami aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin. Hal ini mendorong kenaikan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS sebanyak 0.5%, sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau. Aliran masuk ini disalurkan ke dalam pasaran bon domestik, dan seterusnya menyumbang kepada penurunan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysia Government Securities*, MGS) untuk tempoh 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing sebanyak 51.4, 62.7 dan 49.0 mata asas. Kadar hasil bon yang lebih rendah juga mencerminkan pengurangan seterusnya Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) pada bulan Mei 2020 sebanyak 50 mata asas.

Prestasi pasaran ekuiti domestik turut bertambah baik, sejajar dengan trend serantau, mencerminkan sentimen positif daripada kenaikan yang besar dalam pasaran ekuiti global. Di dalam negeri, peningkatan dalam penyertaan pemastautin dan prestasi kukuh yang diterajui oleh saham-saham dalam sektor penjagaan kesihatan juga memberikan dorongan tambahan kepada pasaran ekuiti domestik meskipun terdapat aliran keluar yang berterusan oleh bukan pemastautin. Pada akhir bulan Jun, FBM KLCI meningkat 11.1% untuk ditutup pada 1,501.0 mata (akhir bulan Mac: 1,350.9 mata).

Kadar faedah nominal terus menurun berikutan pengurangan OPR

Rajah 23: Kadar Faedah (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Kadar faedah dalam pasaran borong dan runcit menurun berikutan pengurangan OPR sebanyak 50 mata asas pada bulan Mei 2020. Kesan pindahan kepada kadar antara bank adalah menyeluruh dan sertamerta merentas semua tempoh matang, dengan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Kumpur (*Kuala Lumpur Interbank Offered Rate*, KLIBOR) menurun 49 hingga 50 mata asas meliputi semua tempoh dalam jangka masa satu hari selepas pelarasan OPR. KLIBOR 3 bulan mengakhiri suku kedua pada 2.28% (S1 2020: 2.80%). Kesan pindahan daripada pengurangan OPR kepada kadar pinjaman runcit juga menyeluruh, dengan kesan pindahan yang berterusan berikutan pengurangan OPR yang terdahulu pada bulan Mac 2020. Hal ini dicerminkan dalam kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran yang lebih rendah bagi pinjaman terkumpul, iaitu menurun sebanyak 52 mata asas kepada 4.25% pada bulan Jun (S1 2020: 4.77%).

Begitu juga, kadar simpanan tetap (*fixed deposit*, FD) nominal juga menurun pada suku tersebut, bagi tempoh matang 1 hingga 12 bulan, sejajar dengan kuantum penurunan OPR. Kadar FD benar meningkat walaupun terdapat penurunan dalam kadar nominal berikutan inflasi yang lebih rendah pada bulan Jun.

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Rajah 24: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank menurun, disebabkan terutamanya oleh jumlah mata wang dalam edaran yang lebih tinggi, yang mencerminkan peningkatan permintaan terhadap wang tunai pada suku kedua. Walau bagaimanapun, mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai dengan Bank.

Walaupun nisbah Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*, SRR) kekal tidak berubah pada 2.00%, fleksibiliti untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Investment Issues*, MGII) untuk memenuhi sepenuhnya pematuhan SRR diberikan kepada semua institusi perbankan pada bulan Mei. Langkah ini telah menambah kira-kira RM16 bilion mudah tunai ke dalam sistem perbankan. Pelarasan tersebut telah memberikan fleksibiliti yang lebih tinggi kepada bank dalam pengurusan mudah tunai dan mengurangkan keperluan penyediaan mudah tunai melalui operasi monetari Bank. Fleksibiliti yang telah diberikan kepada institusi perbankan ini juga terus menyokong pasaran bon domestik untuk terus berfungsi dengan lancar.

Pembiayaan terus berkembang untuk menyokong keperluan perniagaan

Rajah 25: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada suku kedua 2020, pembiayaan bersih meningkat sebanyak 3.7% pada asas tahunan (S1 2020: 4.7%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul[9] meningkat pada suku tersebut (4.1%; S1 2020: 3.8%), sementara pertumbuhan bon korporat terkumpul[10] menurun kepada 2.5% (S1 2020: 7.6%) disebabkan terutamanya oleh kesan asas yang tinggi daripada satu terbitan yang besar pada suku kedua 2019.

Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul meningkat kepada 3.9% (S1 2020: 3.4%), disokong oleh pinjaman untuk tujuan modal kerja.[11] Mengikut sektor, sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (*wholesale and retail trade, restaurants and hotels*, WRRH) serta perkilangan mencatatkan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi pada tempoh tersebut. Bagi segmen isi rumah, pertumbuhan pinjaman terkumpul adalah mampan (3.7%; S1 2020: 3.8%), disokong oleh pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman dan untuk kegunaan peribadi.

Paras pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman menjadi rendah pada suku kedua disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan moratorium ke atas pembayaran balik pinjaman/pembiayaan[12] yang sedang dilaksanakan. Berikutan kelonggaran PKP secara beransur-ansur, pinjaman perniagaan yang dikeluarkan kembali ke tahap yang wajar pada bulan Jun daripada tahap yang rendah pada bulan April dan Mei, dengan pinjaman yang tinggi dikeluarkan untuk keperluan modal kerja, sejajar dengan meningkatnya permintaan untuk pembiayaan pada suku itu.[13] Hal ini mencerminkan pelbagai langkah dasar yang bertujuan untuk mengurangkan tekanan dalam aliran tunai yang dihadapi oleh perniagaan berikutan pandemik COVID-19, yang disokong oleh kos pinjaman yang lebih rendah susulan pelonggaran dasar monetari. Sementara itu, permintaan untuk pinjaman isi rumah mengalami penurunan secara menyeluruh berikutan pelaksanaan PKP dan sentimen berhati-hati selaras dengan keadaan ekonomi.

[9] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

[10] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

[11] Klasifikasi pinjaman mengikut tujuan hanya tersedia untuk sistem perbankan, yang merangkumi 93% daripada pinjaman terkumpul yang diberikan kepada perniagaan.

[12] Merujuk moratorium secara automatik ke atas pembayaran balik pinjaman/pembiayaan isi rumah dan PKS selama 6 bulan berkuat kuasa pada 1 April 2020, dan moratorium ke atas pinjaman/pembiayaan korporat yang layak sebagaimana yang dinilai dan diberikan oleh institusi perbankan.

[13] Ditunjukkan oleh permohonan pinjaman kepada sistem perbankan.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan

- **MPC menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 1.75% pada bulan Julai.**
- **Secara keseluruhan, OPR telah diturunkan sebanyak 125 mata asas pada tahun 2020.**

MPC menurunkan OPR untuk menyokong persekitaran ekonomi dan mempercepat kadar pemulihan ekonomi

Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) telah menurunkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) secara kumulatif sebanyak 125 mata asas dalam empat mesyuarat pada tahun 2020. Kini OPR berada pada paras 1.75%. Oleh itu, kadar koridor tertinggi dan terendah bagi OPR masing-masing telah diturunkan kepada 2.00% dan 1.50%.

Penurunan OPR sebanyak 25 mata asas pada bulan Januari 2020 merupakan langkah awal untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam keadaan harga yang stabil. Pada masa itu, walaupun ekonomi global dijangka terus berkembang, ketidakpastian berhubung dengan pelbagai rundingan perdagangan, ketegangan geopolitik dan volatiliti pasaran kewangan yang ketara telah meningkatkan risiko prospek pertumbuhan menjadi lebih rendah. Terdapat juga risiko pertumbuhan ekonomi dalam negeri menjadi lebih rendah, berpunca daripada faktor-faktor domestik termasuk kelemahan dalam sektor komoditi dan kelewatan pelaksanaan projek.

Apabila kejadian wabak COVID-19 di RR China menular menjadi pandemik global, langkah-langkah yang diambil bagi membendung wabak tersebut telah memberi impak yang ketara terhadap aktiviti ekonomi global dan juga dalam negeri. Pelarasan OPR pada mesyuarat MPC pada bulan Mac dan Mei 2020 masing-masing sebanyak 25 mata asas dan 50 mata asas adalah bertujuan untuk mengurangkan impak ekonomi akibat pandemik COVID-19 terhadap perniagaan dan isi rumah. Keadaan monetari yang lebih longgar juga akan menyokong peningkatan aktiviti ekonomi susulan pelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara beransur-ansur mulai awal bulan Mei 2020.

Dalam mesyuarat MPC yang berlangsung pada bulan Julai 2020 baru-baru ini, OPR telah diturunkan lagi sebanyak 25 mata asas kepada 1.75%. Kegiatan ekonomi telah mula pulih daripada tahap terendah pada suku kedua tahun 2020. Pada separuh kedua tahun 2020, pertumbuhan ekonomi dijangka akan disokong oleh penyambungan semula aktiviti ekonomi dalam pelbagai sektor apabila Malaysia menamatkan perintah kawalan pergerakan secara berperingkat, pemulihan sentimen yang beransur-ansur dan kesan positif daripada pakej rangsangan fiskal. Ekonomi dalam negeri yang diunjurkan bertambah baik dijangka terus disokong oleh pemulihan keadaan pertumbuhan global secara beransur-ansur. Walau bagaimanapun, kadar dan kekuatan pemulihan ekonomi dalam negeri masih tertakluk pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan yang

berpunca daripada faktor dalam negeri dan faktor luaran. Hal ini termasuk jika wabak pandemik kembali menular yang menyebabkan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan, keadaan pasaran pekerja yang semakin lemah dan pemulihan pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan. Oleh itu, penurunan OPR ini bertujuan memberikan rangsangan dasar tambahan untuk mempercepat kadar pemulihan ekonomi. MPC akan terus menilai keadaan yang sentiasa berubah-ubah serta implikasinya terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri secara keseluruhan.

Langkah penurunan OPR dilaksanakan dengan cepat dan dalam jumlah yang besar memandangkan ciri pergerakan pantas krisis kesihatan awam yang belum pernah berlaku ini dan kesannya terhadap ekonomi. Penurunan OPR dijangka memberi sokongan yang menyeluruh kepada ekonomi. Khususnya, dalam persekitaran pendapatan isi rumah dan perniagaan yang terjejas akibat kegiatan ekonomi yang perlahan, penurunan OPR akan meringankan beban membayar hutang, mengurangkan jumlah kos peminjaman dan seterusnya mengurangkan kekangan aliran tunai bagi isi rumah, PKS dan korporat. Kadar faedah yang lebih rendah akan turut mengurangkan kos pembiayaan dan seterusnya menyokong peningkatan aktiviti pemberian pinjaman dan perolehan dana.

Pelarasan OPR ini menyokong langkah-langkah monetari dan kewangan lain yang diambil oleh Bank Negara Malaysia serta langkah-langkah fiskal yang telah dilaksanakan. Antaranya termasuklah langkah bantuan kewangan, langkah pengawalan dan penyeliaan, kemudahan pemberian pinjaman untuk PKS dan pelarasan terhadap Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*, SRR) pada bulan Mac dan Mei 2020. Khususnya, pelarasan terhadap SRR yang termasuk pengurangan nisbah SRR daripada 3.00% kepada 2.00% serta fleksibiliti bagi semua institusi perbankan untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Investment Issues*, MGII) untuk memenuhi sepenuhnya pematuhan SRR, merupakan sebahagian daripada usaha Bank yang berterusan untuk memastikan mudah tunai adalah mencukupi bagi menyokong aktiviti pengantaraan kewangan. Bank Negara Malaysia akan terus menggunakan alat-alat dasarnya yang bersesuaian bagi mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Sorotan dasar lain pada suku kedua 2020

Sorotan dasar	Butiran penting
Dokumen Dasar Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic Know-Your-Customer*, eKYC)	• Dokumen dasar ini diterbitkan pada 30 Jun 2020 dengan objektif untuk: ▪ menggalakkan penggunaan teknologi e-KYC yang selamat dan terjamin dalam sektor kewangan; ▪ mengekalkan langkah kawalan AML/CFT yang berkesan; dan ▪ membuka peluang bagi inovasi yang lebih meluas dan penawaran perkhidmatan kewangan digital secara menyeluruh yang lengkap bagi pengguna. • Dokumen dasar ini menetapkan piawaian dan jangkaan tentang: ▪ matlamat yang ingin dicapai dengan penggunaan e-KYC; dan ▪ keperluan, amalan terbaik dan parameter tentang kaedah mengenal pasti, memantau dan melaporkan risiko bagi memastikan proses pendaftaran pelanggan dilaksanakan secara telus.

Tinjauan Makroekonomi

Sorotan

- **Kemelesetan global yang teruk diunjurkan pada tahun 2020.**
- **Ekonomi Malaysia dijangka pulih secara beransur-ansur pada separuh kedua tahun 2020.**
- **Tekanan inflasi dijangka terus sederhana pada separuh kedua tahun 2020.**

Ekonomi global akan memasuki tempoh kemelesetan yang teruk pada tahun 2020

Unjuran pertumbuhan global pada tahun 2020 yang dikemas kini pada bulan Jun oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah turun kepada -4.9% berbanding dengan anggaran -3.0% yang diunjurkan sebelum ini, iaitu pada bulan April. Keadaan ekonomi yang merosot akibat langkah-langkah pembendungan terhadap pandemik COVID-19 dan kelemahan keadaan pasaran pekerja adalah lebih teruk daripada jangkaan. Walaupun pertumbuhan dijangka pulih pada tahun 2021, namun hal ini bergantung pada keberkesanan tindakan pembendungan pandemik COVID-19 menjelang akhir tahun 2020.

Pada tahun 2020, pertumbuhan di seluruh ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun diunjurkan menguncup dan keadaan ini dijangka lebih teruk berbanding dengan Krisis Kewangan Global. Secara keseluruhan, output penggunaan dan perkhidmatan dijangka merosot, susulan perintah kawalan pergerakan yang telah menjejaskan jualan runcit, pelancongan dan rekreasi, serta pengangkutan. Perbelanjaan sektor swasta dan keadaan permintaan luaran dijangka kekal sederhana memandangkan keadaan pasaran pekerja yang terus lemah. Walau bagaimanapun, langkah-langkah rangsangan kerajaan yang proaktif memberikan sokongan utama kepada pertumbuhan, manakala pembukaan semula sektor ekonomi secara beransur-ansur pula mengurangkan tahap penguncupan.

Risiko pertumbuhan global menjadi lebih perlahan terus meningkat. Kes COVID-19 jika kembali menular mungkin memerlukan negara-negara melaksanakan semula langkah-langkah kawalan pergerakan yang akan menjejaskan lagi prospek pertumbuhan. Hal ini juga akan meningkatkan lagi volatiliti aliran modal dalam Ekonomi Pasaran Sedang Pesat Membangun (*emerging market economies*, EME) yang mudah terjejas dan boleh mencetuskan ketidakseimbangan dalam sektor luaran.

Ekonomi Malaysia dijangka pulih secara beransur-ansur berikutan pembukaan semula ekonomi secara progresif dan permintaan luaran yang bertambah baik

Rajah 26: Penunjuk Ekonomi Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, IHS Markit, Tenaga Nasional Berhad, dan Bank Negara Malaysia

Kegiatan ekonomi di Malaysia menguncup dengan ketara pada separuh pertama tahun 2020 (-8.3%) disebabkan oleh langkah-langkah yang diperkenalkan untuk membendung pandemik COVID-19 pada peringkat global dan dalam negeri. Hal ini telah mengakibatkan kejutan terhadap penawaran dan permintaan secara serentak dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dijangka mencapai paras terendah pada suku kedua tahun 2020. Kegiatan ekonomi telah disambung semula dengan pesat sejak ekonomi mula dibuka kembali pada awal bulan Mei. Penunjuk bulanan seperti perdagangan borong dan runcit, pengeluaran perindustrian, penjanaan elektrik dan eksport kasar semuanya meningkat dengan lebih cepat pada bulan Jun berbanding dengan pertumbuhan pada tempoh antara bulan Mac hingga Mei.

Pertumbuhan yang bertambah baik dalam separuh kedua tahun 2020 juga akan disokong oleh pemulihan dalam pertumbuhan global dan sokongan dasar yang berterusan. Khususnya, aktiviti penggunaan dan pelaburan dijangka mendapat manfaat daripada pelbagai langkah yang terdapat dalam pakej rangsangan fiskal, langkah kewangan yang berterusan dan persekitaran kadar faedah yang rendah. Walaupun terdapat potensi pertumbuhan ekonomi akan meningkat, kadar dan kekuatan pemulihannya terus terdedah kepada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan yang berpunca daripada faktor dalam negeri dan faktor luaran. Pertumbuhan mungkin berpotensi untuk meningkat sekiranya langkah-langkah rangsangan ekonomi dapat memberikan impak yang lebih besar daripada jangkaan. Walau bagaimanapun, ancaman daripada gelombang kedua pandemik COVID-19 yang akan mendorong kepada penguatkuasaan semula langkah-langkah pembendungan, keadaan pasaran pekerja yang semakin lemah, dan pemulihan pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, akan meningkatkan lagi risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan.

Tekanan inflasi kekal sederhana pada separuh kedua tahun 2020

Pada separuh kedua tahun 2020, purata inflasi keseluruhan dijangka kekal negatif. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh harga runcit bahan api yang rendah. Langkah-langkah rangsangan untuk mengurangkan bebanan kos, seperti rebat tarif elektrik berperingkat juga akan mengekalkan tahap inflasi yang rendah. Walau bagaimanapun, inflasi keseluruhan diunjurkan menurun dengan magnitud yang lebih kecil berbanding dengan suku kedua tahun 2020 berikutan harga minyak global yang terus pulih dan keadaan ekonomi yang bertambah baik secara beransur-ansur.

Risiko penurunan harga yang menyeluruh dan berterusan adalah terhad dengan kegiatan ekonomi disambung semula secara beransur-ansur dan keadaan permintaan yang bertambah baik. Walaupun inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka lemah, kadar puratanya yang diunjur bagi keseluruhan tahun ini masih pada kadar yang dijangkakan sebelum ini.

Tambahan

Jadual 1	KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)
Jadual 2	KDNK mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)
Jadual 3	Imbangan Pembayaran
Jadual 4	Hutang Luar Negeri Terkumpul
Jadual 5	Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal
Jadual 6	Penunjuk Pinjaman
Jadual 7	Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan
Jadual 8	Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful
Jadual 9	Kewangan Kerajaan Persekutuan

Jadual 1: KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2019 %	2019		2020		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Pertumbuhan tahunan (%)				
Permintaan dalam negeri agregat (tidak termasuk stok)	94.0	4.5	4.5	3.7	−18.7	−7.7
Sektor swasta	75.6	6.1	6.0	4.7	−20.5	−8.2
Penggunaan	58.7	7.8	7.7	6.7	−18.5	−6.0
Pelaburan	16.8	1.5	1.1	−2.3	−26.4	−15.2
Sektor awam	18.5	−2.4	−2.0	−0.6	−10.6	−5.5
Penggunaan	12.2	0.3	3.2	5.0	2.3	3.6
Pelaburan	6.3	−7.8	−11.0	−11.3	−38.7	−24.2
Eksport bersih	7.0	32.9	21.1	−37.0	−38.6	−37.7
Eksport barangan dan perkhidmatan	63.7	0.5	0.3	−7.1	−21.7	−14.4
Import barangan dan perkhidmatan	56.7	−2.3	−2.0	−2.5	−19.7	−11.2
KDNK	100.0	4.8	4.7	0.7	−17.1	−8.3
KNDK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	-	1.3	-	−2.0	−16.5	-

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: KDNK mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2019 %	2019		2020		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Pertumbuhan tahunan, %				
Perkhidmatan	57.7	6.1	6.3	3.1	−16.2	−6.7
Perkilangan	22.3	4.3	4.2	1.5	−18.3	−8.7
Perlombongan	7.1	0.9	−0.3	−2.0	−20.0	−11.0
Pertanian	7.1	4.3	5.1	−8.7	1.0	−3.9
Pembinaan	4.7	0.5	0.4	−7.9	−44.5	−25.9
KDNK Benar	100.0[1]	4.8	4.7	0.7	−17.1	−8.3

[1] Angka-angka mungkin tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: Imbangan Pembayaran[1]

	2019		2020		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Akaun Semasa	14.3	31.3	9.5	7.6	17.1
(% daripada KDNK)	3.9	4.3	2.6	2.5	2.5
Barangan	28.3	61.7	28.9	25.9	54.8
Perkhidmatan	−3.4	−5.1	−8.0	−12.5	−20.4
Pendapatan primer	−5.9	−15.1	−6.0	−4.0	−9.9
Pendapatan sekunder	−4.7	−10.2	−5.4	−1.9	−7.4
Akaun Kewangan	−18.9	−32.2	−13.3	−19.8	−33.1
Pelaburan langsung	−9.2	4.7	3.4	−1.2	2.1
Aset	−11.8	−20.4	−1.8	−1.4	−3.2
Liabiliti	2.6	25.0	5.2	0.2	5.3
Pelaburan portfolio	−10.6	−4.1	−41.3	22.2	−19.1
Aset	−3.9	−12.4	−15.1	−2.0	−17.2
Liabiliti	−6.7	8.3	−26.2	24.3	−1.9
Derivatif kewangan	−0.5	−0.7	2.5	0.6	3.1
Pelaburan lain	1.4	−32.0	22.1	−41.3	−19.2
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	3.2	5.0	−4.7	5.9	1.2
Imbangan Keseluruhan	−1.4	4.1	−8.7	−6.4	−15.0

Aset: (−) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing

[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Setakat S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini diundurkan tarikh hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4: Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2019	2020	
	akhir Jun	akhir Mac	akhir Jun
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	933.0	975.9	1,003.0
Bersamaan dengan USD bilion	*223.1*	*223.3*	*231.7*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	164.6	160.5	185.8
Peminjaman antara bank[1]	199.7	223.8	223.9
Pinjaman antara syarikat berkaitan[1]	147.7	132.3	135.0
Pinjaman[1]	71.1	82.4	79.6
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	181.3	186.8	196.6
Deposit bukan pemastautin	91.4	106.1	98.8
Lain-lain[2]	77.3	84.0	83.2
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	544.8	554.3	588.4
Jangka pendek	388.2	421.6	414.6
Denominasi mata wang			
Ringgit	287.2	296.8	305.2
Asing	645.8	679.1	697.8
Jumlah hutang / KDNK (%)	61.8	64.4	69.3
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	41.6	43.2	41.3
Rizab / Hutang jangka pendek (kali)	1.1	1.0	1.1[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa setakat 30 Julai 2020.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2019		2020			2019		2020		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan dlm. tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan bersih	45.3	68.3	25.5	21.5	47.1	5.6	5.6	4.7	3.7	3.7
Terkumpul:										
Pinjaman[1,2]	12.4	21.1	13.1	19.5	32.6	3.9	3.9	3.8	4.1	4.1
Perusahaan perniagaan	2.2	3.5	8.3	5.4	13.7	2.7	2.7	3.4	3.9	3.9
PKS[3]	−0.9	−2.5	2.0	11.0	13.0	−1.2	−1.2	−11.9	−8.2	−8.2
Bukan PKS	3.1	6.0	6.3	−5.6	0.7	6.5	6.5	17.7	15.0	15.0
Isi rumah	11.2	21.5	0.5	11.4	12.0	4.8	4.8	3.8	3.7	3.7
Bon korporat[4]	32.9	47.1	12.5	2.0	14.5	10.6	10.6	7.6	2.5	2.5

[1] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Bermula bulan Jun 2019, data dari bulan April 2018 disemak semula untuk mengambil kira data bank perdagangan berlesen yang baharu (MBSB Bank Berhad). Ia sebelum ini dikelaskan sebagai institusi kewangan bukan bank. Dengan mengambil kira data pinjaman terkumpul ini, kadar pertumbuhan tahunan pembiayaan menjadi lebih tinggi untuk tempoh sementara dari S2 2018 hingga S1 2019. Hal ini disebabkan oleh asas yang lebih rendah pada tahun-tahun sebelumnya.

[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

[3] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan. Antara Januari 2018 hingga Disember 2019, jumlah bersih sebanyak RM60.4 bilion daripada pinjaman terkumpul PKS dikelaskan semula sebagai pinjaman terkumpul bukan PKS. Daripada jumlah tersebut, RM38.3 bilion telah dikelaskan semula pada suku keempat 2019.

[4] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: Penunjuk Pinjaman

	2019		2020			2019		2020		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Dalam tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman[1]	228.4	422.7	197.1	168.1	365.1	2.4	−2.2	1.4	−26.4	−13.6
Kelulusan pinjaman[1]	109.7	200.5	86.9	66.6	153.5	8.8	4.9	−4.3	−39.3	−23.4
Pengeluaran pinjaman[2]	311.3	625.1	317.4	263.4	580.8	2.9	3.7	1.1	−15.4	−7.1
Bayaran balik pinjaman[2]	314.3	633.6	319.8	253.9	573.7	4.3	6.0	0.2	−19.2	−9.4
Terdiri daripada:										
Perusahaan perniagaan[3]										
Permohonan pinjaman	104.1	188.5	92.4	96.5	189.0	2.2	−3.9	9.6	−7.3	0.3
Kelulusan pinjaman	52.3	93.4	41.4	41.8	83.3	9.4	6.7	0.9	−20.1	−10.9
Pengeluaran pinjaman	219.8	441.2	227.8	206.1	433.9	1.4	3.3	2.9	−6.2	−1.7
Bayaran balik pinjaman	223.3	449.9	220.2	199.4	419.5	3.0	6.4	−2.8	−10.7	−6.7
PKS[4]										
Permohonan pinjaman	48.7	92.6	47.5	47.7	95.2	−0.4	−0.3	8.1	−2.0	2.8
Kelulusan pinjaman	16.7	32.1	14.1	15.0	29.1	0.3	1.2	−8.4	−10.3	−9.3
Pengeluaran pinjaman	76.3	152.1	63.5	56.3	119.8	3.7	1.7	−16.2	−26.2	−21.2
Bayaran balik pinjaman	76.5	153.3	65.8	51.1	117.0	3.1	3.0	−14.3	−33.1	−23.7
Bukan PKS[3]										
Permohonan pinjaman	55.4	95.8	45.0	48.8	93.8	4.7	−7.0	11.2	−11.9	−2.2
Kelulusan pinjaman	35.7	61.3	27.3	26.9	54.2	14.2	9.8	6.5	−24.7	−11.7
Pengeluaran pinjaman	143.4	289.1	164.3	149.8	314.1	0.2	4.2	12.8	4.4	8.6
Bayaran balik pinjaman	146.9	296.6	154.3	148.2	302.6	2.9	8.2	3.1	0.9	2.0
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	124.3	234.3	104.6	71.5	176.2	2.5	−0.8	−4.9	−42.4	−24.8
Kelulusan pinjaman	57.4	107.1	45.5	24.8	70.3	8.3	3.4	−8.6	−56.8	−34.4
Pengeluaran pinjaman	91.5	183.9	89.6	57.3	146.9	6.7	4.4	−3.0	−37.4	−20.1
Bayaran balik pinjaman	90.9	183.7	99.6	54.5	154.2	7.7	5.2	7.4	−40.0	−16.1

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan sahaja.
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Berkuat kuasa 1 April 2020, suatu moratorium telah dilaksanakan secara automatik untuk bayaran balik pinjaman / pembiayaan oleh peminjam isi rumah dan PKS untuk tempoh enam bulan.
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
[4] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan.

Nota: Bermula bulan Jun 2019, data disemak semula untuk mengambil kira data bank perdagangan berlesen yang baharu (MBSB Bank Berhad) sejak bulan April 2018. Ia sebelum ini dikelaskan sebagai institusi kewangan bukan bank. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan

	2019				2020	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2*a*
Pulangan atas ekuiti (%)	11.5	13.0	12.9	13.0	10.4	10.2
Pulangan atas aset (%)	1.3	1.5	1.5	1.5	1.2	1.2
	RM juta					
Pendapatan faedah bersih	12,438	12,009	12,701	13,113	12,696	10,081
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,548	2,619	2,670	3,233	2,583	2,298
Tolak: Kos operasi[1]	8,385	8,421	8,626	9,146	8,607	8,185
Keuntungan operasi kasar	6,601	6,206	6,745	7,200	6,672	4,193
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	164	322	820	33	2,757	2,047
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	6,437	5,884	5,925	7,167	3,915	2,146
Campur: Pendapatan lain	2,548	5,506	4,302	3,694	4,644	6,237
Untung sebelum cukai	8,985	11,390	10,227	10,860	8,559	8,384
	Pertumbuhan tahunan (%)					
Pulangan atas ekuiti (mata peratusan)	−0.8	−0.3	0.2	0.3	−1.1	−2.8
Pulangan atas aset (mata peratusan)	−0.08	−0.01	0.04	0.06	−0.12	−0.30
Pendapatan faedah bersih	3.3	−2.3	1.7	2.6	2.1	−16.1
Campur: Pendapatan berasaskan fi	−2.2	4.0	7.9	29.4	1.3	−12.2
Tolak: Kos operasi[1]	3.5	6.3	10.3	9.8	2.7	−2.8
Keuntungan operasi kasar	0.8	−9.9	−5.5	3.5	1.1	−32.4
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	−75.9	−30.9	18.5	−95.5	1,579.8	535.4
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	9.7	−8.3	−8.1	15.3	−39.2	−63.5
Campur: Pendapatan lain	−16.4	35.2	92.0	9.7	82.3	13.3
Untung sebelum cukai	0.8	8.6	17.7	13.3	−4.7	−26.4

[1] Merujuk kos kakitangan dan overhed

[2] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Malaysian Financial Reporting Standard 9 (MFRS 9)

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2019				2020	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2*a*
	RM juta					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	8,561	7,947	3,795	3,859	−11,611	16,354
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	716	677	785	730	541	1,158
Nisbah tuntutan (%)	57	62	59	59	59	52
	Pertumbuhan tahunan (%)					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	109.0	750.6	−50.1	481.9	−235.6	105.8
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	27.5	−10.8	−35.0	53.2	−24.4	71.0
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	−0.1	3.0	6.0	2.0	2.5	−9.5

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9: Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2019*a*		2020*a*		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	62.1	125.8	45.3	56.4	101.8
Pertumbuhan tahunan (%)	18.3	17.8	−28.8	−9.1	−19.1
Perbelanjaan mengurus	65.3	124.8	62.5	63.9	126.5
Pertumbuhan tahunan (%)	3.8	5.9	5.2	−2.1	1.4
Akaun semasa	−3.2	1.0	−17.2	−7.5	−24.7
Perbelanjaan pembangunan bersih	12.1	23.4	10.9	16.4	27.3
Pertumbuhan tahunan (%)	33.2	18.2	−3.6	35.7	16.7
Imbangan keseluruhan	−15.3	−22.4	−28.2	−23.9	−52.0
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	77.4	148.2	73.5	80.3	153.8
Pertumbuhan tahunan (%)	7.5	7.7	3.8	3.8	3.8
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	799.1	799.1	823.8	854.1	854.1
Hutang dalam negeri	609.1	609.1	631.3	649.2	649.2
Hutang luar negeri	190.0	190.0	192.5	204.8	204.8
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	165.6	165.6	167.2	179.8	179.8
Peminjaman luar pesisir	24.4	24.4	25.2	25.1	25.1

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia